



DR Daing (dua dari kiri) bersama Ketua Timbalan Pendoftor Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Datuk Fazia Afif melepaskan ikan bagi Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik UMP.

(SAG70)  
16-09-2017

## MARINI METRO setempat

49

Pekan

### Jom kaki pancing ke Tasik UMP

Lebih satu tan ikan patin, talapia merah dan keli menanti peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Terbuka di Tasik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan hari ini.

Program sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari

Malaysia itu dianjurkan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP (PSK) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UMP yang menawarkan hadiah wang tunai lebih RM16,000 kepada pemenang.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata,

pertandingan memancing kali ini menawarkan hadiah wang tunai RM7,000 kepada pemenang pertama, RM3,000 (naib johan) dan RM1,000 (ketiga).

Menurutnya, pemenang tempat keempat hingga ke-10 masing-masing layak menerima RM250.